

Headline	Surat jadual penerbangan haji keluar akhir puasa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Jun 2015	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	31	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	118 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,640
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,920



Surat jadual penerbangan haji keluar akhir puasa

Makkah: Tabung Haji (TH) akan mengeluarkan surat jadual penerbangan secara berperingkat kepada 22,320 bakal jemaah haji yang terpilih untuk menunaikan ibadah haji tahun ini, mulai akhir Ramadan.

Pengurus Besar Kanan (Haji) Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, mereka yang menerima surat berkenaan boleh membuat persediaan secukupnya sama ada dari segi mental, fizikal, kerohanian dan ilmu.

"Penerbangan pertama berlepas dari Malaysia ke Tanah Suci ialah pada 16 Ogos dan seterusnya penerbangan yang akhir ialah pada 16 September.

"Kita dijangka menjalani Hari Wukuf pada 22 September dan seterusnya penerbangan pertama balik ke Malaysia ialah pada 29 September dan penerbangan terakhir pada 28 Oktober," katanya dalam sidang media bersama wartawan Malaysia, semalam.

Justeru, beliau menasihati kan bakal jemaah haji supaya sentiasa mendapatkan maklumat terkini dari TH.

Katanya, TH akan terus mengingatkan bakal haji

melalui penghantaran 'SMS blast' dan panggilan telefon yang dibuat melalui 'TH Contact Centre' dan pejabat TH negeri.

Syed Saleh berkata, sebanyak 1,500 petugas iaitu 250 orang dari TH dan 1,250 orang dari agensi kerajaan akan terbabit dengan operasi haji di tanah air di tujuh stesen berlepas.

Katanya, operasi di Tanah Suci pula membabitkan 600 petugas dengan 250 orang ialah petugas rombongan perubatan dan 350 orang adalah petugas rombongan kebijakan (petugas TH).

"Di samping itu, untuk operasi haji di Tanah Suci, kita juga mengambil 200 orang petugas penduduk tempatan. Jadi, operasi di Tanah Suci adalah seramai 800 orang keseluruhannya," katanya.

"Ini termasuk Kedutaan Besar Arab Saudi di Kuala Lumpur yang memberi kerjasama dalam kita menyediakan sistem visa haji pada masa yang ditetapkan."

"Dengan adanya kerjasama rapat ini, kita dapat sekali lagi menjalankan operasi haji musim ini dengan jayanya," katanya. - BERNAMA